

AKTIVITI 9

Baca teks di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan yang berikut dengan ayat yang lengkap.

Ayah menghantar Daniel bercuti di kampung selama dua minggu. Di kampung, Daniel berpeluang melihat permainan wau. Dia sangat kagum melihat permainan tersebut dan berhasrat untuk belajar membuat wau.

Pada waktu lapang datuk mengajar Daniel membuat wau. Mereka menyediakan bahan-bahan yang diperlukan seperti buluh, kertas bercorak dan tali yang sesuai untuk membuat wau. Daniel berasa gembira dan bangga kerana berjaya menghasilkan wau bulan yang cantik. Daniel dan datuknya menerbangkan wau di halaman rumah.

Daniel bertekad untuk memperkenalkan permainan wau kepada kawan-kawannya di sekolah agar permainan tradisional dapat diwarisi oleh generasi muda.

1. Berapa lamakah Daniel bercuti di kampung?

(2 markah)

2. Siapakah yang mengajar Daniel cara membuat wau?

(2 markah)

3. Apakah jenis wau yang berjaya dihasilkan oleh Daniel?

(2 markah)

4. Apakah bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat wau?

(2 markah)

5. Apakah tindakan Daniel apabila kembali ke sekolah?

(2 markah)

